

Kerap guna telefon pintar boleh diserang sakit mental

Risiko kanak-kanak ketagih gajet

KUALA LUMPUR - Memberikan kanak-kanak seawal usia satu hingga enam tahun bermain gajet seperti telefon pintar tanpa kawalan berisiko mendedahkan mereka kepada masalah

mental dan *pseudo autism*, kata pakar pendidikan awal kanak-kanak, Dr. Putri Afzan Maria Zulkiffi.

Beliau berkata, *pseudo autism* menyerupai autisme iaitu golongan kanak-kanak

tidak mempunyai kemampuan atau kemahiran bersosial dan hidup dalam dunia sendiri yang boleh berlaku sekiranya mereka menghabiskan terlalu banyak masa secara rutin bermain gajet atau menonton televisyen.

"Usia satu hingga enam tahun adalah waktu kritikal dalam pembinaan neuron kanak-kanak namun apabila kurangnya aktiviti fizikal dan interaksi, ia mengganggu pertumbuhan otak mereka yang sepatutnya berkembang sehingga 90 peratus dalam tempoh berkenaan," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Beliau berkata, neuron yang tidak dikembangkan atau digunakan sepenuhnya ini akan mati, sekali gus mewujudkan pelbagai konflik pada kanak-kanak terbahit.

Putri Afzan Maria berkata, konflik lain yang boleh berlaku ialah kegagalan kanak-kanak berfikir dengan waras, tiada daya pemikiran kreatif, tidak mampu

berinteraksi dan bertutur dengan baik selain perkembangan emosi serta intelek terbantut.

"Paling teruk, ia akan menjerumuskan golongan kanak-kanak ke dalam satu situasi iaitu mereka tidak mampu mengawal perasaan atau tekanan yang dialami sehingga menyebabkan kemurungan," katanya.

Justeru beliau menyarankan golongan ibu bapa supaya mengawal penggunaan gajet anak-anak mereka selain men-

jalankan aktiviti lain yang dirasakan bersesuaian dengan tahap umur bagi merangsang pembinaan neuron termasuk perkembangan emosi dan intelek.

"Ibu bapa masih boleh memberi anak-anak bermain gajet, namun cukup sekadar satu jam sehari bagi kanak-kanak berusia satu hingga tiga tahun, manakala maksimum dua jam sehari bagi yang berumur empat hingga tujuh tahun dengan syarat di bawah pengawasan penjaga," katanya.



PUTRI AFZAN